

Mahasiswa perlu matang menilai - Hishammuddin

BATU PAHAT 31 Ogos - Mahasiswa perlu matang menilai sesuatu perkara, agar tidak terikut-ikut dengan kehendak pihak tertentu yang cuba mengeksplotasi golongan muda di negara ini terutama dalam menghadapi tuduhan dan cemuhan tidak berasas.

Menyatakan itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, sebagai generasi yang bakal menggalas tanggungjawab menjadi pemimpin kelak, mahasiswa boleh diasuh untuk mewarnai pucuk pimpinan akan datang yang langkah asasnya bermula hari ini.

"Saya tidak minta anda semua bersetuju 100 peratus, walaupun saya mencintai anda dan mungkin anda tidak mencintai saya, tetapi saya mahu anda cintakan negara dan bangsa lebih daripada diri sendiri.

"Bertindak matanglah dalam menilai sesuatu perkara kera-

na jika tidak, tidak berbaloi berdepan dengan cemuhan, kritikan dan tuduhan yang kadang-kadang tidak berasas kerana bukan mudah hendak jadi pemimpin, bila anda diberi amanah nanti ia mungkin lebih susah," katanya

berucap dalam Program Minggu Haluan Siswa Pelajar Baharu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sesi 2016/2017 di Dewan Sultan Ibrahim, Parit Raja, di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan barisan pengurusan universiti itu.

Hishammuddin yang juga Menteri Mentor UTHM menambah kata, pengaruh dan peranan dalam memimpin adalah penting kerana faktor itu akan menentukan nasib keluarga, agama, bangsa dan negara tercinta.

Beliau turut memetik kata-kata seorang sasterawan di negera jiran, Tenas Effendy dalam

karyanya yang menyenaraikan beberapa jenis pemimpin seperti pemimpin waris, pemimpin bijaksana, pemimpin wasiat dan yang terakhir mereka yang disifatkan sebagai pemimpin hantu.

"Terserah kepada anda untuk menjadi pemimpin yang mana, sama ada hendak menjadi pemimpin hantu atau pemimpin bijaksana, pemimpin hantu kalau ikut Tenas Effendy, 'laku peranggai bagaikan hantu, dengan iblis ia bersekutu, kerja menyalah akal tak tentu, terhadap kebajikan ia berseteru, terhadap mak-siat ia menyatu, loba dan tamak sudah bersatu'..

"Atau pilih jadi pemimpin bijaksana, bijaknya berkayuh menongkah arus, bijak menarik rambut dalam tepung, bijak me-nangkis bersilat lidah, bijak marah dalam ketawa, bijak senyum dalam susah, bijak mengukur samá panjang, bijak menimbang sama berat, bijak memberi kata putus, bijak melangkah dalam onak, bijak menepis tuntung keris," katanya.



**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**